



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

NASIHAT AKHIR RAMADAN

Tarikh Dibaca:

**25 RAMADAN 1445H /
5 APRIL 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَابَةِ حَمْاْيَةِ اِسْلَامِ مَالِيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

NASIHAT AKHIR RAMADAN

5 APRIL 2024 / 25 RAMADAN 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ :

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ، وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ، لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ^۱
تَنَزَّلُ الْمَلِيْكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا يَادُنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ، سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ。 (سورة
القدر)

أَشَهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Nasihat Akhir Ramadan**”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIH SEKALIAN,

Hari ini kita sudah berada pada hari ke-25 dalam Bulan Ramadan. Bererti hanya berbaki beberapa hari sahaja lagi Ramadan akan berlalu pergi meninggalkan kita bersama hasil tarbiyah dan latihan selama sebulan. Sejauh mana konsistensi kita setakat hari ini? Adakah kita masih bersungguh-sungguh merebut tawaran dan peluang yang terbuka luas di bulan ini atau kita telah pun mula beransur-ansur meninggalkan masjid dan amal-amal soleh kerana sibuk membuat persiapan Aidilfitri?

Sepuluh malam terakhir ini juga disebutkan terdapatnya malam *al-qadr* (malam yang memiliki kelebihan dan kebaikan yang melebihi 1000 bulan). Berusahalah mendapatkanya dengan berikrafat di masjid, *qiamullail*, membaca al-Quran, bersedekah dan amalan-amalan lainnya kerana belum tentu lagi kita dapat bertemu dengan Ramadan akan datang kerana kebelakangan ini juga semakin banyak berita kematian saudara terdekat dan kenalan yang singgah di telinga kita. Mungkinkah selepas ini giliran kita pula?

Berdoalah untuk kebaikan diri, keluarga umat Islam seluruhnya untuk menghadapi fitnah dan cabaran dunia mendatang yang semakin keras. Semoga dengan berkatnya malam *al-qadr* itu, akan diperkenan doa kita semua. Insya-Allah. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Qadr:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ۝ تَنَزَّلُ الْمَلِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ۝

Maksudnya: “Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada Malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut)”.¹

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIH SEKALIAN,

Ketika kita sibuk menumpukan perhatian kepada baki Ramadan ini, dan sibuk juga melakukan persiapan Aidilfitri, jangan lupakan saudara-saudara seiman kita di Palestin ketika ini masih lagi dihujani peluru dan bedilan bom yang dilepaskan secara rambang oleh puak-puak rejim zionis Israel laknatullah ‘alaihim yang bacul. Enam bulan tempoh peperangan yang masih belum menunjukkan titik noktah kerana kedegilan dan kerakusan Israel. Seluruh Gaza khususnya telah pun hancur, bahkan jumlah kematian juga sangat

¹ Surah al-Qadr ayat 3 – 4.

mendukacitakan lebih-lebih lagi lebih separuh angka kematian tersebut terdiri dari kalangan kanak-kanak dan kaum wanita. Kita di sini sibuk menghias rumah dengan lampu dan pelita, manakala mereka di sana masih lagi tercari-cari tempat perlindungan buat mereka berteduh. Kita sibuk menyediakan juadah untuk hari raya manakala mereka ada yang sudah beberapa bulan tidak menjamah makanan. Kita sibuk memilih tema warna baju raya manakala pakaian mereka itulah yang dipakai sejak enam bulan lalu dan kini semakin tebal dengan debu-debu. Betapa kuatnya mereka yang bersendirian menghadapi musuh, namun mereka tetap teguh dan yakin dengan janji Allah SWT.

Justeru, di penghujung Ramadan ini marilah kita terus bermunajat berdoa kepada Allah SWT dengan sesungguh-sungguh permohonan supaya saudara-saudara seiman kita di Palestin itu terus kuat dan sabar serta diberi pertolongan menghadapi rejim zionis Israel laknatullah 'alaihim. Semoga Bumi Palestin, terutamanya Masjid al-Aqsa kembali kepada tangan umat Islam dan mereka dapat membina negara dengan aman dan sejahtera sebagaimana selayaknya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam pada kita sibuk mengejar pahala di penghujung Ramadan ini, jangan pula kita mengenepikan hubungan sesama manusia. Ia juga sebahagian dari tuntutan agama yang mesti dipenuhi. Peliharalah keamanan yang ada dan hentikanlah segala bentuk provokasi atau perbuatan khianat yang boleh menggugat kesejahteraan negara. Hendaklah kita selidik terlebih dahulu setiap maklumat yang sampai kepada kita dan janganlah kita mudah menghukum orang lain tanpa usul periksa. Kesejahteraan negara yang ada ketika ini sangatlah berharga dan melalui jalan yang panjang untuk membinanya, namun ia boleh hancur musnah sekilip mata dengan sedikit kata-kata atau tindakan yang tidak bijak. Menjaga hubungan silaturahim juga merupakan sebahagian daripada pelengkap keimanan seseorang. Sebuah hadis diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, 'Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيْكُمْ ضَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

فَلَيَصِلَ رَحْمَةً

Maksudnya: “Barangsiapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat maka hendaklah dia memuliakan tetamunya, dan barangsiapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat maka hendaklah dia menyambung hubungan silaturahim”. (**Muttafaqun ‘alaih**)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Menjelang Aidilfitri yang bakal tiba, ada kalangan kita yang sudah merancang untuk pulang ke kampung bagi merayakan Aidilfitri bersama keluarga tercinta. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan pesanan bagi mereka yang sedang dan akan menempuh perjalanan pulang ke kampung halaman masing-masing. Tetaplah berakhhlak mulia dalam apa-apa jua keadaan, masa, dan tempat lebih-lebih lagi yang bersangkutan dengan nyawa, agama, akal, keturunan dan harta sebagaimana terkandung dalam Maqasid al-Syariah. Antara akhlak mulia yang perlu diamalkan oleh semua pengguna jalan raya ialah mematuhi peraturan lampu isyarat, saling menghormati, bersikap sopan, bertimbang rasa, bertolak ansur, mematuhi lampu isyarat, tidak memotong di lorong kecemasan, sentiasa berhemah dan sabar. Mulakan perjalanan dengan berdoa kepada Allah dan memohon perlindungan kepada-Nya. Jangan tergopoh-gapah, jangan memandu secara berbahaya atau dalam keadaan mengantuk. Akhirnya, setelah segala persiapan dan pemeriksaan dilakukan, bertawakkallah sebenar-benarnya kepada Allah SWT dan berserah kepada janji-Nya kerana hanya Allah SWT jualah sebenar-benar tempat kita bersandar dan bergantung harap.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin meninggalkan beberapa pesanan;

Pertama: Tetapkan konsentrasi pada akhir-akhir Ramadan yang terkandung padanya malam al-qadr dan kelebihan besar yang dijanjikan oleh Allah SWT.

Kedua: Berdoalah memohon kebaikan kepada Allah SWT buat diri, keluarga dan umat Islam seluruhnya dalam menghadapi fitnah dan cabaran dunia yang semakin keras.

Ketiga: Berdoa kepada Allah, lakukan persiapan secukupnya, sentiasa berakhhlak mulia dan bersabar serta bertawakal kepada Allah SWT menyerah diri kepada-Nya memohon perlindungan dalam apa-apa jua keadaan kita kerana Allah SWT jualah tempat kita bertawakal.

Firman Allah SWT:

قُلْ لَّنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلَ الْمُؤْمِنُونَ ۝

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal". (**Surah al-Taubah ayat 51**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيدَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
 بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّكُمُ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
 النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا
 مُولِيَا سَرِيْ قَدُوكَ بِكِينِدا يَعْ دَفْرَتوَانِ اكْنُوْغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدُوكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيِ اكْنُوْغْ، رَاجِ
 زَارِيْثُ صُوفِيَا.
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَراءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَا مُطْمَئِنَا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلَى كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَاتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلْ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،
اللَّهُمَّ أَحْصِمْ عَدَّهُمْ عَدَّاً، وَاقْتُلْهُمْ بَدَّاً، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ انْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَوْنَاهُمْ، بَأْسَكَ الدَّيْرِ لَا يَرِدُ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرِ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ارْحِمِ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ،
اللَّهُمَّ اكْشِفْ الغَمَةَ عَنْ أَمْتَنَا، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تُرْفَعَ الْبَلَاءُ عَنْ غَرَّةِ وَاهْلَهَا، وَأَنْ
تُنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تُرْحِمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تُكْشِفَ الغَمَةَ عَنْ
أَمْتَنَا، اللَّهُمَّ عَافَا وَالْطُّفْ بَنَا وَاحْفَظْنَا وَانْصُرْنَا وَفَرِجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اكْفِنَا
وَآيَاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَابِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَانَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.